

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SABAH  
SEKTOR KHIDMAT PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN  
UNIT NAIK PANGKAT  
ARAS 6, WISMA JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SABAH  
JALAN PUNAT TANAH, LIKAS  
88450 KOTA KINABALU SABAH, MALAYSIA



Ruj : JP(SB) / 900 (08) / 100/32/03/13 Jld.3 ( 13 )  
Tarikh : 22 Mei 2015

Semua Ketua Sektor,  
Semua Pegawai Pendidikan Daerah,  
Jabatan Pendidikan Negeri Sabah.

Tuan / Puan,

**SURAT SIARAN BAGI URUSAN KENAIKAN PANGKAT PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN ( PPP ) GRED DG32 HINGGA DG54 DAN PEGAWAI KUMPULAN PELAKASANA (PKP) SECARA TIME BASED BERASASKAN KECEMERLANGAN DIKEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM) URUSAN JULAI 2013 HINGGA JUN 2014 ( CALON CICIR ) DAN JULAI 2015 HINGGA JUN 2016**

Dengan segala hormatnya saya menarik perhatian tuan / puan mengenai perkara di atas dan surat Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, *KP (PP)0017/18/6/30 Jld.4 (38)* , bertarih **19 Mei 2015** adalah berkaitan.

2. Untuk Makluman, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia ( BPSM ), Kementerian Pendidikan Malaysia akan mengadakan urusan kenaikan pangkat secara Time Based Berasaskan Kecemerlangan (TBBK) bagi pegawai-pegawai seperti berikut :
  - 2.1 Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Gred DG32 hingga Gred DG54 Bagi Urusan **Julai 2015 Hingga Jun 2016**; dan
  - 2.2 Pegawai Kumpulan Pelaksana (PKP) Bagi Urusan **Julai 2015 Hingga 2016**;
  - 2.3 Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Gred DG32 Hingga Gred DG54 Bagi Urusan **CICIR Julai 2013 Hingga Jun 2014**; dan
  - 2.4 Pegawai Kumpulan Pelaksana (PKP) Bagi Urusan **CICIR Julai 2013 Hingga Mei 2015**
3. Sehubungan dengan itu tuan / puan dikehendaki mengambil tindakan seperti berikut :
  - 3.1 Mengenalpasti Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang layak dipertimbangkan kenaikan pangkat secara TBBK tahun 2015 berdasarkan syarat umum dan khusus ;
  - 3.2 Mengemaskini data-data PPP dalam sistem ePangkat berdasarkan Buku Rekod Perkhidmatan ( BRP );
  - 3.3 Memastikan PPP mengemukakan borang Kriteria Kecemerlangan ( KC ) untuk dinilai oleh Ketua Jabatan.
4. **Syarat-syarat Umum**
  - 4.1 Telah disahkan dalam jawatan
  - 4.2 Mencapai Tahap Prestasi yang ditetapkan iaitu LNPT, 3 tahun terakhir;
    - 4.2.1 Bagi PPP dan PKP yang layak pada **01.07.2013 hingga 30.06.2015 menggunakan LNPT tahun 2010, 2011 & 2012**
    - 4.2.2 Bagi PPP dan PKP yang layak pada **01.07.2015 hingga 30.06.2016 menggunakan LNPT tahun 2012, 2013 & 2014**

- 4.3 Bebas dari Tindakan Tatatertib;
- 4.4 Telah Mengisytiharkan Harta;
- 4.5 Lulus Tapisan Keutuhan SPRM;
- 4.6 Bebas daripada senarai Peminjam Tegar Institusi Pinjaman Pendidikan;
- 4.7 Diperakukan oleh Ketua Jabatan.

5. Bagi PPP yang mempunyai pengalaman PPPLD ( Ex-PPPLD ), yang kini berada di Gred DG41 / DG44 yang layak ke Gred DG44 / DG48 secara TBBK hendaklah diperakukan secara manual.

6. Tuan/puan adalah diwajibkan menghantar dokumen-dokumen ( hardcopy ) calon yang diperakukan melalui on-line ( e-Pangkat ) ke Unit Naik Pangkat, Sektor Khidmat Pengurusan Dan Pembangunan , Jabatan Pendidikan Negeri Sabah *pada atau sebelum 22 Jun 2015* seperti berikut ;

- 6.1 Salinan Buku Rekod Perkhidmatan Dan Termasuk Kenyataan Cuti
- 6.2 Salinan Surat Lantikan dan Pengesahan Dalam Perkhidmatan
- 6.3 Salinan Surat Kelulusan Kenaikan Pangkat ( Jika Berkenaan )
- 6.4 Lampiran T1 ( Tapisan Keutuhan SPRM )

7. Adalah diperingatkan kepada semua Ketua Jabatan agar mengemaskini maklumat pegawai-pegawai dalam sistem ePangkat dan seterusnya memperakukan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan dan Pegawai Kumpulan Pelaksana yang terlibat. ***Kecuaian, kesilapan maklumat dalam sistem ePangkat dan kegagalan memperakukan calon-calon yang layak akan dipertanggungjawabkan kepada Ketua Jabatan sepenuhnya.***


8. Sekiranya tuan / puan mempunyai sebarang pertanyaan atau keraguan berhubung perkara ini, tuan / puan boleh berhubung terus ke Unit Naik Pangkat, SKPP, JPN Sabah di talian 088-537010 ext : 7362 / 7359 / 7392 / 7402 / 7401 / 7383.

9. Segala perhatian dan kerjasama tuan / puan berikan di dalam hal ini adalah sangat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA “

Saya yang menurut perintah,



DATUK JAME ALIP  
Pengarah Pendidikan Negeri Sabah  
Jabatan Pendidikan Negeri Sabah.